

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]

TARIKH : 17 NOVEMBER 2020 (SELASA)

SOALAN

TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan berapa jumlah perbelanjaan sebenar Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) bagi mengadakan pilihan raya negeri Sabah semasa pandemik COVID- 19.

JAWAPAN

**YB DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN
UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jumlah keseluruhan perbelanjaan SPR dalam melaksanakan PRU DUN Sabah ke-16 adalah sebanyak **RM130 juta** yang merangkumi perolehan pembelian dan sewaan peralatan pilihan raya, keperluan peralatan dan sistem ICT, logistik, elauan petugas pilihan raya dan keperluan-keperluan lain yang berkaitan. Perbelanjaan ini turut mengambil kira keperluan peralatan mengikut garis panduan pencegahan COVID-19.

Sekian, terima kasih.